

UTHM hantar mesin hemodialisis ke HUSM

BATU PAHAT 6 Jan. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meneruskan khidmat bakti membantu mangsa banjir di Pantai Timur apabila mesin hemodialisis milik institusi pengajian tinggi itu dihantar ke sana untuk kegunaan pasukan perubatan di Kelantan.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporatnya, Shafry Salim berkata, pihaknya menghantar dua buah mesin tersebut ke Hospital Univer-

siti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian selepas mendapati peralatan itu amat diperlukan buat masa ini.

“Keperluan yang mendadak terhadap alat itu menyebabkan kami menghantar dua buah mesin hemodialisis ke sana melalui penyelarasan yang dilakukan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia.

“Bantuan mesin ini adalah sebahagian bantuan kemanusiaan yang

digerakkan di bawah Pusat Gerakan Bencana Alam UTHM yang mula beroperasi sejak 25 Disember lalu,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Shafry, mesin tersebut dihantar menerusi misi bantuan UTHM yang kedua baru-baru ini, manakala misi pertama pada 28 Disember lalu memberi tumpuan kepada bantuan berbentuk barangan keperluan harian.

Katanya, beberapa lagi misi akan digerakkan secara berperingkat dengan penyertaan sukarelawan dalam kalangan kakitangan dan mahasiswa UTHM untuk melakukan kerja-kerja pembersihan.

“Penglibatan mereka dalam kerja-kerja sukarela ini amat menggalakkan dan kita berharap penyertaan akan berterusan dalam misi-misi akan datang,” ujarnya lagi.